



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**AHLI BOMBA PELATIH (P.1EB.2)  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. AHLI BOMBA PELATIH  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
P.1 EB.2 [\$605 - \$885 SEBULAN ]  
KEKOSONGAN= SEBELAS (11)**

Gaji sebanyak \$500 sebulan dan selepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan, calon-calon yang dipilih akan dilantik menjadi Ahli Bomba Terlatih dengan gaji \$605 sebulan dalam sukatan gaji P.1 EB.2 (\$605-\$885 sebulan). Tambahan elaun 'P' sebanyak \$100 sebulan, Elaun Kurnia Khas sebanyak \$100 sebulan dan Elaun Sara Hidup sebanyak \$170 sebulan.

**KELAYAKAN MINIMUM:**

Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding.

**KELAYAKAN FIZIKAL:**

- a) Berumur di antara 18 tahun hingga 25 tahun. Bujang atau Kahwin.
- b) Tinggi tidak kurang 1.63 Meter (5 kaki 4 inci).
- c) Ukuran dada sekurang-kurangnya 86 cm (34 inci) apabila tidak ditarik nafas.
- d) Lulus ujian amali/fizikal di peringkat awal (Balai Bomba).
- e) Lulus ujian penglihatan bagi kedua mata dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap (*Contact lens*) dan boleh membaca dekat J.1/N.5 dan tidak buta warna (*Colour Blind*).
- f) Pendengaran biasa dan tidak cacat.
- g) Tubuh badan yang tegap dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-ray.
- h) Tidak pernah terlibat atau didakwa bagi kesalahan-kesalahan jenayah.



### **SYARAT-SYARAT LAIN**

- a) Calon-calun yang berjaya dikehendaki menjalani Kursus/Latihan Asas Kebombaan selama 6 bulan (24 minggu) di Pusat Latihan Bomba Lapangan Terbang.
- b) Setelah menamatkan Kursus/Latihan Asas Kebombaan dengan jayanya, calon-calun akan dilantik menjadi Ahli Bomba Terlatih dengan sukatan Gaji P.1 EB.2, Bahagian V \$605 -\$885 beserta dengan elaun-elaun yang ditentukan.

### **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:**

- a) Setelah menamatkan Kursus /Latihan Asas Kebombaan akan ditugaskan di dalam Unit Operasi dan bekerja mengikut giliran (*Shift Duty*) bagi mengawal keselamatan dan perlindungan kebakaran di Lapangan Terbang dan *heliport* sepanjang 24 jam.
- b) Mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana Unit Perkhidmatan Bomba sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Bomba.
- c) Sebelum tamat tempoh percubaan Ahli bomba berkenaan dikehendaki mengikuti dan lulus kursus ulangkaji kebombaan.
- d) Setelah ditetapkan dalam jawatannya, Ahli Bomba berkenaan dikehendaki mengikuti Kursus Lanjutan Ahli Bomba (*Advance Airport Fire Fighters*) bagi memperolehi sijil kecekapan (*Certificate of Competence*) dari sebuah pusat latihan yang diiktiraf oleh *ICAO* atau yang sebanding dengannya.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

1. Melapor diri kepada Ketua Unit;
2. Bertugas bagi mengawal keselamatan dan perlindungan kebakaran penerbangan dan bangunan-bangunan di Lapangan Terbang dan *Heliport* sepanjang 24 jam;
3. Menghadiri sebarang panggilan kecemasan/kemalangan termasuk perkhidmatan- perkhidmatan khas;



4. Menjaga dan memelihara kebersihan dan kesempurnaan kereta/ jentera bomba serta perkakas penyelamat dan memadam kebakaran agar sentiasa baik dan dapat digunakan pada bila-bila masa;
5. Menjaga kebersihan dan kesempurnaan balai-balai bomba; dan
6. Menjalankan apa jua tugas yang diarahkan oleh Ketua Unitnya dari semasa ke semasa.



### Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian V

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

- ✓ Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>

- ✓ **SIJIL KELULUSAN** atau **PENGESAHAN JABATAN PEPERIKSAAN** sebagaimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PCE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">UGAMA.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PMB.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Sijil Berhenti Sekolah.pdf</a>

- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

### My Profile

[Working Experience](#)

**Public and Ex-Government Employee** +

**Current Government Employee** -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office

**Current Appointment**

Starting Date

Ministry

Department

Job Title